Fadhilat

رسالة فضائل مكة

KOTA MAKKAH

Risalah Penghulu Tabiin

Al-Imam Al-Hasan Bin Abil Hasan Al-Bashri رضي الله عنه

Diterbit semula oleh
Dr. Mahmoud MrGlani

Diterjemah Oleh
Sofuh ShaZlee

Algeria (Setif) | Mesir (Al-Manzalah) | Malaysia | Indonesia | Tunisia | Singapura

Penghargaan

Usaha penerbitan karya ini ku persembahkan

Kehadrat syeikh yang membimbingku menuju Allah

Sandaranku, pendidik rohani dan jasmaniku

Junjunganku

As-Syeikh Al-Kamil Abd. Nasir Abu Bakr As-Siddiq

As-Syazili Al-Mashishi Al-Idrisi Al-Hasani

-Putera Wilayah Setif Algeria-

Daftar Isi

halaman

Sanad Kitab

وبه أكتفي

بسم الله الرحمن الرحيم

As-Syeikh Al-Faqih Al-Hafiz Abul Fadhl Jaafar Bin Al-Hasan Bin Jaafar Al-Hamadani telah mengkhabarkan pada kami, beliau berkata: As-Syeikh Al-Imam Abut Thohir Ahmad Bin Muhammad As-Silafiy Al-Ashfahani telah mengkhabarkan kepada kami dengan cara membaca padanya pada bulan Jamadil Awal tahun 571H, beliau berkata: Al-Qadhi Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Al-Husein Al-Ghadhabri telah mengkhabarkan kepadaku di kota Darband dengan cara aku membaca padanya pada bulan Syawal tahun 530H, beliau berkata: Abu Manshur Muhammad Bin Ahmad Bin Al-Qasim Al-Ashfahani Al-Muqri telah menulis kepadaku dari Benteng Aamid bahawa Abul Hasan Ali Bin Al-Hadhir Bin Al-Baghdadi di kota Fusthath berkata: Abu Ali Al-Husein Bin Abd. Rahman As-Syafie di Kota Makkah telah mengkhabarkan padaku, kata beliau: Abul Hasan Ibnu Abdullah Al-Hamadani telah mengkhabarkan pada kami, kata beliau: Abu Soleh Muhammad Bin Nafi' telah mengkhabarkan pada kami, kata beliau: Abul Hasan Muhammad Bin Ibrahim Ibnu Ma'ruf As-Shoidalani telah mengkhabarkan kepada kami, kata beliau: Abdullah Bin Ahmad Bin Soleh At-Tamimi telah menuturkan kepada kami, kata beliau: Ayahndaku telah menuturkan padaku, kata beliau: Abdullah Bin Abd. Hamid @ Al-Majid Al-Hanafi telah menuturkan pada kami, kata beliau: Ubaidah @ Hubairah Al-Baji Al-Haddad telah menuturkan pada kami. Dan berkata Ibnu Nafi': Abul Qasim Ubaidullah Muhammad Bin Muhammad telah mengkhabarkan kepada kami, kata beliau: Muhammad Al-Muzhaffar Al-Ashmuni As-Syammar telah mengkhabarkan pada kami, kata beliau: Muhammad Bin Ibrahim An-Nisaburi telah mengkhabarkan pada kami, kata beliau: Telah menuturkan kepada kami Muhammad Bin Ali Al-Hanafi dari Abu Hubairah Al-Baji, beliau berkata:

Al-Hasan Bin Abil Hasan Al-Bashri r.h telah menulis warkah kepada seorang ahli zuhud bernama Abd. Rahim atau Abd. Rahman Bin Anas

Ar-Ramadi yang tinggal di Makkah -semoga Allah Taala memuliakan kota ini-, adapun lelaki ini seorang muliawan lagi kuat beragama dan ahli zikir, tiadalah pekerjaannya di dunia ini melainkan ibadat kepada Allah Taala, beliau berazam mahu meninggalkan Kota Makkah untuk berhijrah ke Yaman lalu sampailah berita ini kepada Al-Hasan yang mengikat persaudaraan lillahi Taala dengannya. Maka kerana inilah Al-Hasan menulis risalah demi mendorongnya untuk terus bermukim di Makkah -semoga Allah Menambah kemuliaan kota ini-, adapun awal risalah itu berbunyi:

Semoga Allah memeliharamu wahai saudaraku sepertimana Dia memelihara ahli iman, semoga Allah melindungimu dari kejahatan, memberi taufik padamu pada segala kebaikan, menyempurnakan nikmat buatmu pada setiap perkara, semoga Allah menghimpun kita bersama di syurga Darus Salam lalu dapat berjiran denganNya, sesungguhnya itu semua berada dalam kekuasaanNya, tiada daya dan upaya kita melainkan dengan izin Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Amma ba'du wahai saudaraku, tika risalah ini ku tulis padamu aku dan semua ahli inayah, kerabat dan ikhwan yang ada di sini berada dalam keadaan yang paling menyenangkan hatimu, pada Allah jua segala pujian serta selawat dan salam dariNya buat junjungan kita Muhammad beserta ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Keutamaan Menghuni Tanah Suci Makkah

Ketahuilah wahai saudaraku -semoga Allah Taala memanjangkan usiamu- bahawa engkau telah menetapkan fikiranmu untuk meninggalkan tanah yang disucikan Allah Taala lagi diamankan-Nya lalu mahu berpindah ke Yaman. Sesungguhnya aku tidak menyukai fikiranmu itu, sedih hatiku dan amat dukacita memikirkannya kerana syaitan mahu mengecohkanmu di tanah suci Allah Taala dan menggelincirkan kakimu. Aneh benar akalmu bila engkau memasang niat sebegini di hatimu, padahal Allah telah menjadikanmu warga kota ini. Puji-pujilah Allah Taala yang telah memberi keutamaan padamu menjadikan engkau penghuni tanah suci dan keamananNya; maka dengan sebab ini sahaja sudah wajib bagimu untuk terus mensyukuriNya seumur hidupmu dan sibuk menggandakan ibadat kepada Allah Azza Wajalla lebih dari sebelum ini kerana Allah telah menjadikanmu warga tanah suciNya, keamananNya dan jiran rumahNya.

Kemudian janganlah sekali-kali engkau merasa gusar dan bosan, hendaklah engkau melazimi sabar, diam dan santun. Sesungguhnya dengan sifat-sifat ini engkau akan mengalahkan syaitan yang terkutuk. Janganlah sekali-kali -wahai saudaraku- engkau keluar meninggalkan tanah haram dan rasa terganggu tinggal di sana, kerana sesungguhnya engkau berada di permukaan bumi yang terbaik, negeri yang paling dicintai Allah, tanah yang paling mulia, yang paling agung kelebihannya dan yang paling mulia disisi Allah. Aku bermohon kepada Allah agar mengurniakan taufik kepada kita semua ke jalan kebaikan, sesungguhnya Dia-lah Tuhan yang Maha Belas Kasihan lagi Maha Memberi Kurnia, tiada daya dan upaya melainkan dengan izin Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Fadhilat Makkah dalam Al-Quran dan Hadis

Ketahuilah wahai saudaraku sesungguhnya Allah telah melebihkan Makkah dari negeri-negeri yang lain. Allah menyebut nama kota ini di dalam kitabNya yang mulia pada beberapa ayat. Firman Allah Taala:

﴿ إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِى بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَٰلَمِينَ
فِيهِ ءَايَٰتٌۢ بَيِّنَٰتٌ مَّقَامُ إِبْرَٰهِيمَ ۖ وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ ءَامِنًا ۗ ﴾

"Sesungguhnya rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia. Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia". - Aali Imran: 96 – 97

﴿عَلَيْكُمْ وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِۦمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ
مَنْ ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ﴾

"Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa Dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, Iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat" – Al-Baqarah: 126

﴿ثُمَّ لْيَقْضُوا۟ تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا۟ نُذُورَهُمْ
وَلْيَطَّوَّفُوا۟ بِٱلْبَيْتِ ٱلْعَتِيقِ﴾

“Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu”. – Al-Hajj: 29

﴿وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَٰهِيمَ مَكَانَ ٱلْبَيْتِ أَن لَّا تُشْرِكْ بِى شَيْـًٔا
وَطَهِّرْ بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْقَآئِمِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ﴾

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): “Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu, dan bersihkanlah rumahKu (Kaabah ini) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan sembahyang).” – Al-Hajj: 26

﴿وَإِذْ جَعَلْنَا ٱلْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَٱتَّخِذُوا۟ مِن مَّقَامِ إِبْرَٰهِـۧمَ مُصَلًّى ۖ﴾

“Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan rumah suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadat haji) dan tempat yang aman; dan Jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang” – Al-Baqarah: 125

﴿ وَإِذۡ يَرۡفَعُ إِبۡرَٰهِـۧمُ ٱلۡقَوَاعِدَ مِنَ ٱلۡبَيۡتِ وَإِسۡمَٰعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلۡ مِنَّآۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ﴾

"Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau-lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui" – Al-Baqarah: 127

﴿ إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي حَرَّمَهَا ﴾

"(Katakanlah wahai Muhammad): "Aku hanyalah diperintahkan supaya menyembah Allah Tuhan negeri (Makkah) ini yang telah menjadikannya suci lagi dihormati" – An-Naml: 91

﴿ بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ ﴾

"Negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun." – Saba': 15

﴿إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلۡمَرۡوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِۖ فَمَنۡ حَجَّ ٱلۡبَيۡتَ خَيۡرٌ أَم مَّنۡ أَسَّسَ
بُنۡيَٰنَهُۥ أَن يَطَّوَّفَ بِهِمَاۚ وَمَن تَطَوَّعَ خَيۡرٗا فَإِنَّ ٱللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ﴾

"Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada syiar (lambang) agama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka patutlah dia bersa'ie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya, dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui" – Al-Baqarah: 158

﴿فَإِذَآ أَفَضۡتُم مِّنۡ عَرَفَٰتٖ فَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ
عِندَ ٱلۡمَشۡعَرِ ٱلۡحَرَامِۖ وَٱذۡكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمۡ﴾

"Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Dia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu" – Al-Baqarah: 198

"Bukankah Kami telah melindungi mereka dan menjadikan (negeri Makkah) tempat tinggal mereka sebagai tanah suci yang aman, yang dibawa kepadanya hasil tanaman dari segala jenis, sebagai rezeki pemberian dari sisi Kami?" – Al-Qashash: 57

Wahai saudaraku, maka inilah ayat-ayat yang diturunkan Allah Taala semuanya khusus tentang Makkah, tiada negeri lain yang turun padanya wahyu sebegini. Seterusnya akan ku khabarkan padamu -wahai saudaraku- hadis-hadis dari Baginda Nabi ﷺ mengenai keutamaan Makkah, keistimewaan orang yang menghuninya dan jiran-jirannya.

Ketahuilah wahai saudaraku sesungguhnya ketika Rasulullah ﷺ keluar dari kota Makkah Baginda berdiri di Jazwarah sambil mengadap Kaabah lalu bersabda:

والله إنك أحب بلاد الله إلي وإنك أحب أرض الله إلى الله عز وجل وإنك خير بقعة على وجه الأرض وأحبها إلى الله تعالى ولولا أن أهلك أخرجوني منك ما خرجت.

"Demi Allah! Sesungguhnya engkaulah muka bumi Allah yang paling aku cintai, sesungguhnya engkaulah muka bumi Allah yang paling dicintai Allah Azza Wajalla, sesungguhnya engkaulah sebaik-baik tanah di atas permukaan bumi yang paling dicintai Allah Taala. Kalaulah bukan kerana kaum-mu mengusir aku darimu nescaya aku takkan keluar".

Dalam sebuah hadis lain Baginda Nabi ﷺ bersabda:

خير بلدة على وجه الأرض وأحبها إلى الله تعالى مكة.

"Negeri terbaik di atas muka bumi dan yang paling dicintai Allah Taala adalah Makkah".

Lagi sabda Nabi ﷺ:

دحيت الأرض من مكة فمدها الله تعالى من تحتها فسميت أم القرى.

"Bumi dihampar bermula dari Makkah lalu Allah Taala mengembangkan bumi dari bawahnya, dikeranakan itu Makkah dinamakan Ummul Quro (ibu segala negeri)" .

أول جبل وضع في الأرض أبو قبيس.

"Bukit pertama yang diletak di atas muka bumi ialah Jabal Abi Qubais".

أول من طاف بالبيت الملائكة قبل أن يخلق الله تعالى آدم عليه الصلاة والسلام بألفي عام.

"Pertama yang tawaf di Baitullah adalah para malaikat yaitu dua ribu tahun sebelum Allah Taala menciptakan Adam alaihis solatu was salam".

ما من ملك يبعثه الله تعالى من السماء إلى الأرض في حاجة إلا اغتسل من تحت العرش وانقض محرما فيبدأ ببيت الله تعالى فيطوف به أسبوعا ثم يصلي خلف المقام ركعتين ثم يمضي لحاجته وما بعث إليه.

"Tiada satu malaikat pun yang diutus Allah dari langit ke bumi untuk satu pekerjaan melainkan malaikat itu terlebih dahulu mandi di bawah Arash lalu segera memakai ihram. Dia akan memulakan dengan tawaf tujuh pusingan di Baitullah, kemudian solat dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim, kemudian barulah pergi menunaikan pekerjaan dan perkara yang dia diutus dengannya".

Para Nabi Bermukim di Makkah

Sabda Nabi ﷺ:

كل نبي من الأنبياء عليهم الصلاة والسلام إذا كذبه قومه خرج من بين أظهرهم إلى مكة وما من نبي هرب من أمته إلا هرب إلى مكة فعبد الله تعالى بها عند الكعبة حتى أتاه اليقين وهو الموت.

"Para anbiya' -alaihimus solatu wassalam- apabila ada kalangan mereka yang didustakan oleh kaumnya maka akan keluarlah nabi itu meninggalkan mereka lalu berpindah ke Makkah. Tiadalah seorang nabi yang lari dari pendustaan kaumnya melainkan lari ke Makkah jua lalu beribadat kepada Allah di sisi Kaabah hinggalah ajal menjemputnya".

إن حول الكعبة قبر ثلاثمائة نبي .

"Di sekitar Kaabah terdapat tiga ratus kubur para nabi".

ما بين الركن اليماني والركن الأسود قبر سبعين نبيا كلهم قتلهم الجوع والقمل

"Antara Rukun Yamani dengan Rukun Hajar Aswad terdapat kubur tujuh puluh orang nabi; kesemua mereka mati kerana lapar dan kutu ".

قبر إسماعيل وأمه هاجر صلى الله عليهما وسلم في الحجر تحت الميزاب

"Kubur Nabi Ismail dan bondanya Sitti Hajar –semoga Allah menselawatkan mereka berdua- terletak dalam lingkungan Hijir di bawah Mizab (pancuran Kaabah)".

قبر نوح وهود وشعيب وصالح صلى الله على نبينا وعليهم وسلم فيما بين زمزم والمقام.

"Kubur nabi Nuh, Hud, Syuaib dan Soleh -semoga Allah menselawatkan nabi kita dan mereka- terletak antara telaga Zamzam dan Maqam".

ما على الأرض بلدة وفد إليها جميع النبيين والملائكة والمرسلين أجمعين وصالح عباد الله من أهل السموات والأرض والجن إلا مكة.

"Tidak ada satu negeri di atas muka bumi ini yang didatangi oleh seluruh nabi, para malaikat, para rasul, para hamba Allah yang oleh dikalangan penghuni langit dan bumi dan kalangan jin melainkan negeri Makkah".

Nilai Amalan di Makkah

Sabda Nabi ﷺ:

ما على الأرض بلد يرفع الله تعالى بها الحسنة الواحدة بمائة ألف حسنة إلا مكة.

"Tidak ada satu negeri di atas muka bumi ini di mana Allah menggandakan satu amal kebaikan menjadi seratus ribu kebaikan melainkan negeri Makkah".

من صلى فيها صلاة رفعت له مائة ألف صلاة.

"Barangsiapa solat di Makkah maka satu solatnya dikira seratus ribu solat".

من صام فيها يوما كتب له صوم مائة ألف يوم.

"Barangsiapa berpuasa di Makkah maka sehari puasanya dikira seratus ribu hari".

من تصدق فيها بدرهم كتب الله تعالى له مائة ألف درهم صدقة.

"Barangsiapa bersedekah di Makkah satu dirham maka Allah Taala mencatat baginya pahala sedekah seratus ribu dirham".

من ختم فيها القرآن مرة واحدة كتب الله له مائة ألف ختمة بغيرها.

"Barangsiapa khatam Al-Quran sekali di Makkah maka Allah mencatat baginya seperti khatam seratus ribu kali di tempat lain".

من سبح الله تعالى فيها مرة كتبت له مائة ألف مرة بغيرها وكل حسنة يفعلها العبد في الحرم بثمابة ألف حسنة بغيرها.

"Barangsiapa mentasbihkan Allah Taala di Makkah sekali maka dicatat baginya seperti bertasbih seratus ribu kali di tempat lain. Dan setiap satu kebajikan yang dikerjakan oleh seorang hamba Allah di Tanah Haram seperti mengerjakan seribu kebajikan di tempat lain".

كل أعمال البر فيها كل واحدة بمائة ألف.

"Setiap kebaikan yang dikerjakan di Makkah setiap satunya dikira seratus ribu".

Ramai Kekasih Allah Dibangkitkan Dari Makkah

Sabda Nabi ﷺ:

ما أعلم بلدة يحشر الله تعالى منها يوم القيامة من الأنبياء والأصفياء والأتقياء والأبرار والصديقين والشهداء والصالحين والعلماء والفقهاء والحكماء والزهاد والعباد والنساك والأخيار والأحبار من الرجال والنساء ما يحشر الله تعالى من مكة وإنهم يحشرون وهم آمنون من عذاب الله تعالى.

“Tiada aku ketahui satu negeri yang Allah Taala akan membangkitkan darinya di hari kiamat nanti golongan anbiya’, asfiya’, atqiya’, abrar, siddiqin, syuhada’, solihin, ulama’, fuqaha’, hukama’, ahli zuhud, ahli ibadah, nussak, akhyar dan para pendeta dari kalangan lelaki dan perempuan sepertimana yang Allah Taala akan bangkitkan dari negeri Makkah. Sesungguhnya mereka akan dibangkitkan dalam keadaan aman dari azab Allah”.

Amalan di Makkah Lebih Diharapkan Kabulnya

Sabda Nabi ﷺ:

ليوم واحد في حرم الله تعالى وأمنه أرجى لك وأفضل من صيام الدهر كله وقيامه في غيرها من البلدان.

"Sehari tinggal di tanah suci Allah Taala (Makkah) dan keamananNya lebih diharapkan kabulnya untukmu dan terlebih afdhal dari puasa sepanjang tahun dan bangun malamnya di negeri-negeri lain".

Dan lagi diriwayatkan dari Baginda Nabi ﷺ akan sabdanya:

لا تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مساجد ؛ مسجدي هذا والمسجد الحرام والمسجد الأقصى.

"Janganlah kamu bersusah payah musafir melainkan kepada tiga masjid; masjidku ini, Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa".

Baginda tidak pun menyertakan tiga masjid ini dengan masjid yang lain. Lagi sabda Baginda ﷺ:

صلاة في مسجدي هذا بألف صلاة فيما سواه إلا المسجد الحرام فإن الصلاة فيه بمائة ألف صلاة.

"Solat di masjidku ini nilainya seperti seribu solat di masjid lain, melainkan Masjidil Haram; sesungguhnya satu solat di Masjidil Haram seperti seratus ribu solat".

Dalam riwayat lain dinyatakan:

وصلاة في المسجد الأقصى بخمسمائة صلاة.

"Satu solat di Masjidil Aqsa seperti lima ratus kali solat".

Rahmat ke atas Makkah dan Ibadah Memandang Kaabah

Sabda Nabi ﷺ:

وما على وجه الأرض بقعة ينزلها كل يوم من عند الله عشرون ومائة رحمة ستون للطائفين وأربعون للمصلين وعشرون للناظرين إلى الكعبة إلا بمكة والنظر إلى الكعبة عبادة.

"Tidak ada negeri di atas muka bumi yang turun padanya setiap hari seratus dua puluh rahmat dari Allah melainkan Makkah; enam puluh rahmat untuk mereka yang tawaf, empat puluh rahmat untuk mereka yang solat dan dua puluh rahmat untuk mereka yang memandang Kaabah. Adapun memandang Kaabah itu satu ibadah".

Sabda Rasulullah ﷺ:

من نظر إلى بيت الله إيمانا واحتسابا وتصديقا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر وحشر يوم القيامة مع الآمنين ويحشر الله تعالى أهلها يوم القيامة آمنين.

"Siapa memandang kepada Baitullah dengan iman, mengharap kurnia Allah dan tasdiq di dalam hati maka diampunkan baginya segala dosanya yang terdahulu dan kemudian, lagi dia akan dibangkitkan di hari kiamat beserta mereka yang aman (dari azab) dan Allah Taala akan membangkitkan ahli Makkah dalam keadaan aman".

Pintu-pintu Syurga Terbuka Kepada Makkah

Sabda Nabi ﷺ:

ما على وجه الأرض بلدة أبواب الجنة كلها مفتوحة إليها إلا مكة.

“Tidak ada negeri di atas muka bumi yang semua pintu syurga terbuka kepadanya melainkan Makkah”.

إن أبواب الجنة لثمانية أبواب كلها منفتحة بمكة إلى يوم القيامة فباب منها للكعبة وباب منها تحت الميزاب وباب منها عند الركن اليماني وباب منها عند الركن الأسود وباب منها خلف المقام وباب منها عند زمزم وباب منها على الصفا وباب منها عند المروة ولا يدخل الكعبة أحد إلا برحمة الله ولا يخرج منها إلا بمغفرة الله عز وجل.

“Sesungguhnya syurga itu lapan pintunya, semua pintu-pintu itu terbuka kepada Makkah hingga ke hari Kiamat; satu pintu kepada Kaabah, satu pintu di bawah Mizab, satu pintu di sisi Rukun Yamani, satu pintu di sisi Rukun Hajar Aswad, satu pintu di belakang Maqam, satu pintu di sisi telaga Zamzam, satu pintu di atas Sofa, satu pintu di atas Marwah. Dan tiadalah seorang itu masuk ke dalam Kaabah melainkan dengan rahmat Allah, dan tiadalah seorang itu keluar darinya melainkan dengan ampunan Allah Azza Wajalla”.

Firman Allah Taala:

﴿وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ ءَامِنًاۗ﴾

“Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia”. (...ertinya aman dari neraka.) - Ali Imran: 97

Tempat Mustajab Doa

Sabda Rasulullah ﷺ:

ما على وجه الأرض بلدة يستجاب فيها الدعاء في خمسة عشر موضعا إلا مكة ؛ أولها جوف الكعبة الدعاء فيه مستجاب والدعاء عند الحجر مستجاب والدعاء خلف المقام مستجاب والدعاء في الملتزم مستجاب والدعاء عند بئر زمزم مستجاب والدعاء على المروة مستجاب والدعاء بمنى مستجاب والدعاء بين الصفا والمروة مستجاب والدعاء بين الركن والمقام مستجاب والدعاء بعرفات مستجاب والدعاء في المشعر الحرام مستجاب.

"Tidak ada satu negeri di atas muka bumi ini yang dimustajabkan doa di lima belas tempatnya melainkan Makkah; tempat pertama di ***dalam Kaabah****; doa disitu adalah mustajab, doa di* ***Hijir*** *adalah mustajab, doa di* ***belakang Maqam*** *adalah mustajab, doa di* ***Multazam*** *adalah mustajab, doa di sisi* ***telaga Zamzam*** *adalah mustajab, doa di atas* ***Marwah*** *adalah Mustajab, doa di* ***Mina*** *adalah mustajab, doa* ***antara Sofa dan Marwah*** *adalah mustajab, doa* ***antara Rukun dan Maqam*** *adalah mustajab, doa di* ***Arafat*** *adalah mustajab dan doa di* ***Masy'aril Haram*** *adalah mustajab".*

Wahai saudara, inilah dia senarai lima belas tempat itu maka rebutlah peluang berdoa padanya kerana sesungguhnya itulah tempat-tempat doa tak tertolak, ialah tempat-tempat suci yang agung yang diharapkan mendapat keampunan padanya. Maka bersungguhlah wahai saudaraku untuk berdoa di tempat-tempat suci ini, sesungguhnya jika engkau keluar dari tanah suci Allah Taala dan keamananNya nescaya hilanglah darimu keberkatan tempat-tempat ini.

Kaabah

1 Rukun Yamani
2 Rukun Syami
3 Rukun Iraqi
4 Rukun Hajarul Aswad
5 Multazam
6 Pintu Kaabah
7 Hijir Ismail
8 Maqam Nabi Ibrahim
9 Hajarul Aswad

Sabda Rasulullah ﷺ:

إن خير البقاع وأطهرها وأزكاها وأقربها من الله تعالى ما بين الركن والمقام.

"Sesungguhnya permukaan bumi yang paling suci dan murni lagi yang terlebih dekat dengan Allah Taala ialah antara Rukun dengan Maqam".

Lagi sabda Rasulullah ﷺ:

ما بين الركن اليماني والأسود روضة من رياض الجنة.

"Antara Rukun Yamani dengan Hajarul Aswad ada satu taman dari taman-taman syurga".

ما من أحد يدعو عند الركن الأسود إلا استجيب له وكذلك عند الركن اليماني.

"Tiada siapa pun yang berdoa di sisi penjuru Hajarul Aswad melainkan dikabulkan doanya, begitu juga di sisi Rukun Yamani".

Dan ketahuilah wahai saudaraku sesungguhnya tiada siapa pun yang meninggalkan Makkah melainkan menyesal dia.

Bahagia
Bermukim di Makkah

Sabda Rasulullah ﷺ:

المقام في مكة سعادة والخروج من مكة شقاوة.

“Bermukim di Makkah adalah kebahagiaan, keluar dari Makkah adalah kecelakaan”.

Maka tetapkanlah kedudukanmu dan janganlah sekali-kali engkau bimbang dan bosan kerana itu dari pekerjaan syaitan. Janganlah engkau meninggalkan Makkah, sesungguhnya walaupun engkau bekerja di Makkah dengan hanya mendapat dua fils yang halal maka itu lebih afdhal dari mendapat dua ribu dirham di tempat lain.

Sabda Rasulullah ﷺ:

من مات حاجا أو معتمرا لم يعرض ولم يحاسب وقيل له ادخل الجنة بسلام مع الآمنين.

“Barangsiapa mati dalam mengerjakan haji atau umrah maka dia tidak akan ditahan dan tidak akan dihisab. Akan dikatakan padanya: Masuklah kamu ke dalam syurga dengan kesejahteraan bersama mereka yang aman”.

Puasa
Ramadhan di Makkah

من صام شهر رمضان بمكة كتب الله تعالى له مائة ألف شهر في غيرها من البلدان.

“Barangsiapa berpuasa bulan Ramadhan di Makkah maka Allah Taala akan mencatat baginya ibarat berpuasa seratus ribu bulan di tempat lain”.

Solat di Masjidil Haram

صلاة بالمسجد الحرام بمائة ألف صلاة فإن صلاها في جماعة فهي بألف ألف صلاة وخمسمائة ألف صلاة وذلك خمس وعشرون مرة مائة ألف صلاة.

Satu solat di Masjidil Haram bernilai seratus ribu solat, jika solat berjemaah maka gandaannya meningkat kepada seribu-ribu dan lima ratus ribu solat, ertinya dua puluh lima kali seratus ribu solat.

Ujian Sakit di Makkah

Sabda Rasulullah ﷺ:

من مرض بمكة يوما حرم الله سبحانه وتعالى جسده ولحمه على النار.

"Barangsiapa sakit sehari di Makkah maka Allah سبحانه وتعالى akan mengharamkan jasad dan dagingnya dari disentuh api neraka".

من مرض بمكة يوما كتب الله له من العمل الصالح الذي كان يعمل في غيرها عبادة ستين سنة.

"Barangsiapa sakit sehari di Makkah maka Allah akan mencatat baginya pahala amalan soleh yang dikerjakannya di tempat lain selama ibadah enam puluh tahun".

من صبر على حر مكة ساعة من نهار أبعده الله تعالى من النار مسيرة خمسمائة عام وقربه من الجنة مسيرة مائتي عام وإن مكة والمدينة لينفيان خبثهما كما ينفي الكير خبث الحديد إلا أن مكة أنشئت على الكروهات والدرجات ومن صبر على شدتها كنت له شفيعا أو شهيدا يوم القيامة.

"Barangsiapa sabar satu jam terhadap kepanasan siang di Makkah maka Allah Taala akan menjauhkannya dari neraka sejarak perjalanan lima ratus tahun dan didekatkan dia dengan syurga sejarak perjalanan dua ratus tahun. Sesungguhnya Makkah dan Madinah itu membuang kotoran dari keduanya seperti api membersihkan besi dari karatnya, sesungguhnya Makkah itu terdiri dengan ujian kepayahan dan peningkatan darjat, maka bagi yang sabar dengan keperitannya akulah yang akan menjadi pensyafaatnya atau saksinya di hari kiamat".

من مات بمكة أو بالمدينة بعثه الله يوم القيامة آمنا من عذابه لا حساب عليه ولا خوف ولا عذاب ويدخل الجنة بسلام وكنت له شفيعا يوم القيامة ألا وإن أهل مكة هم أهل الله وجيران بيته وما على وجه الأرض بلدة فيها شراب الأبرار ومصلى الأخيار إلا بمكة.

"Barangsiapa meninggal dunia di Makkah atau Madinah akan dibangkitkan Allah pada hari kiamat dalam keadaan aman dari azabNya; tiada perhitungan keatasnya, tiada ketakutan, tiada azab. Dia akan masuk syurga dengan kesejahteraan dan akulah pensyafaatnya di hari kiamat. Ketahuilah bahawa sesunguhnya warga Makkah adalah warga Allah dan tetangga rumahNya, dan tiadalah satu negeri di atas bumi yang terdapat padanya minuman abrar dan musholla akhyar melainkan di negeri Makkah".

Ibnu Abbas radhiyallahu anhuma telah ditanya: Apakah musholla akhyar itu? Maka jawab beliau: Di bawah Mizab. Apakah pula minuman abrar? Maka jawab beliau: Air Zamzam.

Fadhilat Zamzam

Sabda Rasulullah ﷺ:

خير واد على وجه الأرض وادي إبراهيم صلى الله عليه وسلم.

“Sebaik-baik lembah di atas muka bumi adalah lembah Ibrahim ﷺ”.

خير بئر على وجه الأرض بئر زمزم.

“Sebaik-baik sumur di atas muka bumi adalah sumur Zamzam”.

Fadhilat Hajar Aswad

Sabda Rasulullah ﷺ:

ما بلدة يوجد فيها شيء إذا مسه الإنسان خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه إلا بمكة.

“Tidak ada satu negeri selain Makkah yang terdapat padanya sesuatu yang jika disentuh oleh seorang manusia nescaya bersihlah segala dosanya seperti dia baru dilahirkan oleh ibunya”.

فإن من مس الحجر الأسود خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه.

“Sesungguhnya siapa yang menyentuh Hajarul Aswad maka bersihlah dia dari dosanya seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya”.

Solat di Makkah

Sabda Rasulullah ﷺ:

ما على وجه الأرض موضع أمر فيه بالصلاة إلا بمكة.

"Tiadalah satu tempat di atas permukaan bumi yang diperintahkan solat di situ melainkan Makkah".

ما على وجه الأرض بلدة يصلى فيه أحد حيث أمر الله نبيه إلا بمكة.

"Tiadalah satu negeri di atas muka bumi yang manusia menunaikan solat padanya dan di situ jua Allah telah memerintahkan nabiNya melainkan Makkah".

Kerana sesungguhnya Baginda Nabi ﷺ telah menyampaikan firman Allah:

وَٱتَّخِذُواْ مِن مَّقَامِ إِبْرَٰهِـۧمَ مُصَلًّىۖ

"...dan Jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang". Al-Baqarah: 125

Dan Baginda pula bersabda:

من صلى خلف المقام كان آمنا.

"Barangsiapa solat di belakang Maqam sesungguhnya akan aman".

Lagi sabda Rasulullah ﷺ:

من صلى خلف المقام ركعتين غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر ومن صلى تحت الميزاب ركعتين خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه.

"Barangsiapa solat dua rakaat di belakang Maqam akan diampunkan segala dosanya yang terdahulu dan kemudian. Dan barangsiapa solat dua rakaat di bawah Mizab bersihlah dia dari dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya".

من صلى حول الكعبة ركعتين خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه.

"Barangsiapa solat dua rakaat di sekitar Kaabah bersihlah dia dari dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya".

Fadhilat Kaabah

أحب البقاع إلى الله تعالى ما بين المقام والملتزم.

"Permukaan yang paling dicintai Allah Taala ialah yang terletak antara Maqam dan Multazam".

النظر إلى الكعبة عبادة وأمان من النفاق.

"Memandang Kaabah adalah ibadah dan perlindungan dari sifat munafik".

ما على الأرض بقعة يوجد فيها الطواف والحج والعمرة إلا بمكة والنظر في بئر زمزم عبادة.

"Tidak ada di atas permukaan bumi satu tempat melainkan di Makkah yang terhimpun padanya pekerjaan tawaf, haji dan umrah. Dan sesungguhnya memandang kepada telaga Zamzam adalah ibadah".

الطائف حول البيت كالطائف حول عرش الرحمن.

"Orang yang bertawaf keliling Kaabah umpama bertawaf keliling Arash Allah".

الحجر الأسود يد الله تعالى في أرضه يصافح بها من يشاء من عباده.

"Hajarul Aswad (ibarat) tangan Allah di bumiNya, dengannya Allah bersalam dengan sesiapa yang dikehendakiNya di kalangan hamba-hambaNya".

الحجر الأسود والمقام يأتيان يوم القيامة كل واحد منهما مثل جبل قبيس لهما عينان ولسانان وشفتان يشهدان لكل من وافاهما بالوقار.

"Adapun Hajarul Aswad dan Maqam akan datang keduanya di hari kiamat; tiap satunya sebesar Jabal Qubais dengan dua mata, dua lisan dan dua bibir. Keduanya memberi kesaksian kepada setiap orang yang telah mendatangi mereka dengan sikap hormat dan sopan".

Keutamaan Beribadah di Sisi Kaabah

Diriwayatkan dari Baginda Nabi ﷺ akan sabdanya:

إن أكرم الملائكة عند الله تعالى الذين يطوفون حول عرشه وإن أكرم بني آدم عند الله الذين يطوفون حول بيته ومن نظر إلى البيت نظرة وكان عليه خطايا مثل زبد البحر غفرها الله له كلها.

"Sesungguhnya golongan malaikat yang paling mulia di sisi Allah ialah mereka yang bertawaf pada ArashNya, dan sesungguhnya golongan anak Adam yang paling mulia di sisi Allah ialah mereka yang bertawaf pada rumahNya. Barangsiapa memandang kepada Baitullah dengan satu pandangan sedangkan dosa-dosanya ibarat buih di lautan nescaya semuanya itu akan diampunkan Allah".

Lagi sabda Rasulullah ﷺ:

إن لله عز وجل لوحا من ياقوتة حمراء ينظر الله فيه كل يوم ثلاثمائة وستين نظرة ؛ مائة وثمانون نظرة رحمة ومائة وثمانون نظرة عذاب وإن أول من ينظر الله تعالى إليه بالرحمة لأهل حرمه فمن رآه قائما يصلي غفر له ومن رآه طائفا غفر له ومن رآه جالسا مستقبل القبلة غفر له فتقول الملائكة –وهو أعلم بذلك– ربنا لم يبق إلا النائمون فيقول الله تبارك وتعالى والنائمون حول بيتي ألحقوهم بهم.

“Sesungguhnya Allah Azza Wajalla mempunyai satu loh dari yakut merah; setiap hari Allah memandang kepadanya sebanyak tigaratus enam puluh pandangan; seratus lapan puluh pandangan rahmat dan seratus lapan puluh pandangan azab. Sesungguhnya yang pertama dipandang Allah dengan rahmatNya adalah ahli Masjidil HaramNya; maka barangsiapa yang didapati sedang mendirikan solat akan diampunkanNya, barangsiapa yang didapati sedang bertawaf akan diampunkanNya, barangsiapa didapati sedang duduk mengadap kiblat akan diampunkanNya. Maka berkata malaikat -sedang Allah lebih mengetahuinya-: “Wahai Tuhan kami! Tidak tinggal melainkan mereka yang tidur!” Maka firman Allah tabaroka wa Taala: “Mereka yang tidur di sekitar rumahKu sertakan mereka ke dalam golongan yang beribadat”.

32 من طاف حول البيت أسبوعا رفع الله له بكل قدم سبعين ألف درجة وأعطاه سبعين ألف حسنة وأعطاه سبعين ألف شفاعة فيمن شاء من أهل بيته من المسلمين إن شاء عجلت له في الدنيا وإن شاء ادخرت له في الآخرة.

“Barangsiapa bertawaf di Baitullah tujuh pusingan Allah akan mengangkat untuknya bagi setiap langkah tujuh puluh ribu darjat, dan Allah akan memberinya tujuh puluh ribu kebaikan, dan tujuh puluh ribu syafaat kepada ahli keluarganya di kalangan orang Islam; jika Allah mahu maka itu disegerakan bagi si hamba di dunia, jika Allah mahu maka itu akan disimpankan untuknya di akhirat”.

من طاف حول بيت الله سبعا في يوم صائف شديد الحر حاسرا على رأسه واستلم الحجر في كل طوافه من غير أن يؤذي أحدا وقل كلامه إلا من ذكر الله تعالى كان له بكل قدم يرفعها أو يضعها سبعون ألف حسنة ومحى

عنه سبعون ألف سيئة ورفع له سبعون ألف درجة وفضل الماشي على الراكب كفضل القمر ليلة البدر على سائر الكواكب.

"Barangsiapa bertawaf mengelilingi Baitullah tujuh pusingan di hari musim panas yang terik dengan tidak menutup kepalanya serta istilam (menyentuh) Hajarul Aswad di setiap pusingan dengan tidak menyakiti sesiapa, lagi sedikit kata-katanya melainkan pada zikir mengingat Allah Taala maka baginya untuk setiap derap langkah kakinya tujuh puluh ribu kebaikan, dan dihapus darinya tujuh puluh ribu kejahatan, dan diangkat baginya tujuh puluh ribu darjat. Adapun kelebihan orang berjalan kaki ke atas yang menunggang kenderaan seperti kelebihan purnama mengambang di malam hari atas sekelian bintang yang lain".

لو أن الملائكة صافحت أحدا لصافحت الغازي في سبيل الله والبار بوالديه والطائف بيت الله.

"Jikalau malaikat mahu menjabat tangan manusia nescaya dia akan berjabat tangan dengan pejuang yang berperang di jalan Allah, dengan orang yang berbakti kepada dua ibu bapanya dan dengan orang yang tawaf di Baitullah".

الكعبة محفوفة بسبعين ألفا من الملائكة يستغفرون لمن طاف ويصلون عليه.

"Adapun Kaabah itu dikelilingi oleh tujuh puluh ribu malaikat yang memohonkan ampunan dan berdoa bagi mereka yang tawaf".

الطائف يخوض في رحمة الله وإن الله ليباهي بالطائفين حول البيت الملائكة.

"Orang yang tawaf itu menyelami rahmat Allah. Sesungguhnya Allah membanggakan mereka yang tawaf di Baitullah kepada para malaikat".

استكثروا من هذا الطواف قبل أن يحال بينكم وبينه فكأني أنظر إلى رجل من الحبشة أصلع أفيدع صفح أفيحح جالس عليها يهدمها حجرا حجرا.

"Hendaklah kamu membanyakkan amalan tawaf ini sebelum kamu terhalang dari mengerjakannya. Seolah-olah aku melihat seorang lelaki Habsyah yang botak kepalanya, kecil telinga dan betisnya sedang duduk di atas Kaabah lalu menghancurkannya sebongkah demi sebongkah".

الحجاج والعمار وفد الله تعالى إن سألوه أعطاهم وإن دعوه أجابهم وإن أنفقوا خلف عليهم بكل درهم سبعمائة ألف درهم (وفي رواية ألف ألف درهم وسبعمائة ألف درهم) والذي نفسي بيده ما أهل مهل ولا كبر مكبر إلا أهل بتهليله وكبر بتكبيره كل شيء حتى منقطع التراب. قال رجل: يا رسول الله وإلى هذه المضاعفة؟ فقال: والذي نفسي بيده أما نفقاتكم ليخلفن الله عليهم السبعمائة ألف دينار في دار الدنيا قبل أن يخرجوا منها وأما الألف ألف فهي مدخرة لهم في الآخرة فوالذي نفسي بيده إن الدرهم لأثقل من جبلهم هذا..وأشار إلى أبي قبيس.

"Jamaah haji dan umrah adalah tetamu Allah Taala. Jika mereka meminta padaNya akan diperkenankan, jika mereka berdoa padaNya akan dimustajabkan, jika mereka mengeluarkan nafkah Allah akan menggantikan setiap satu dirham dengan tujuh ratus ribu dirham (dalam satu riwayat seribu-ribu dirham dan tujuh ratus ribu dirham). Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggamanNya tidaklah seorang dari mereka bertahlil atau bertakbir melainkan tahlil dan takbirnya itu dijawab oleh setiap benda bahkan oleh kepingan tanah". Seorang lelaki berkata: "Ya Rasulullah benarkah hingga begitu besar digandakan?" Maka sabda Baginda: "Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggamannya adapun nafkahmu itu akan pasti digantikan Allah tujuh ratus ribu dinar di dunia sebelum kamu meninggalkannya, adapun yang seribu-ribu maka akan disimpankan Allah untuk hari akhirat. Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggamannya sesungguhnya satu dirham itu terlebih berat dari bukit mereka ini...(seraya Baginda menunjuk kepada Jabal Abi Qubais)".

Kelebihan Meninggal Dunia di Makkah dan Madinah

Sabda Nabi ﷺ:

من استطاع أن يموت في أحد الحرمين فليمت فإني أولى من أشفع له وكان يوم القيامة آمنا من عذا ب الله تعالى لا حساب عليه ولا عذاب.

"Barangsiapa dapat meninggal dunia di Makkah atau Madinah maka matilah di sana. Sesungguhnya akulah yang terlebih patut mensyafaatkannya dan di hari kiamat nanti dia akan aman dari azab Allah Taala, tidak dihisab dan tidak diazab".

Keutamaan Umrah dan Haji Yang Mabrur

Sabda Nabi ﷺ:

العمرة إلى العمرة كفارة لما بينهما والحج المبرور ليس له جزاء إلا الجنة.

"Dari satu ibadat umrah kepada umrah yang seterusnya menghapus dosa antara keduanya. Adapun haji yang mabrur itu tiada balasan untuknya melainkan syurga".

عمرة في رمضان تعدل حجة. وفي رواية معي.

"Menunaikan umrah di bulan Ramadhan ibarat menunaikan haji", dalam satu riwayat lain: ...ibarat menunaikan haji bersamaku".

ما من عمل أفضل من حج مبرور.

"Tiada amalan yang terlebih afdhal dari haji yang mabrur".

الحج المبرور ليس له جزاء إلا الجنة.

"Haji yang mabrur itu tiada balasannya melainkan syurga".

من حج ولم يرفث ولم يفسق خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه.

"Barangsiapa menunaikan haji dengan tidak berbuat kasar atau fasik maka bersihlah dia dari dosanya umpama hari dia dilahirkan ibunya".

Fadhilat Ibadah Haji

Sabda Nabi ﷺ:

ما من رجل أوصى بحجة إلا كتبت له ثلاث حجج حجة للذي كتبها وحجة للذي أوصى بها وحجة للذي أحرم عنها.

"Setiap orang yang berwasiat agar dikerjakan haji untuknya akan tertulis untuknya tiga haji; satu haji untuk yang menuliskan wasiatnya, satu haji untuk yang memegang wasiatnya dan satu haji untuk yang memakai ihram sebagai gantinya".

من حج عن والديه كتبت له حجتان حجة له وحجة لوالديه.

"Barangsiapa yang menunaikan haji untuk kedua ibu bapanya akan tertulis baginya dua haji; satu haji untuknya dan satu haji untuk kedua ibu bapanya".

من حج عن ميت حجة من غير أن يوصى بها كتبت له حجة وكتبت للذي حج عنه سبعون حجة وإذا كانت عشية عرفة هبط الله سبحانه وتعالى إلى السماء الدنيا فينظر إلى عباده فيباهي بهم الملائكة يقول جل جلاله: يا ملائكتي أما ترون إلى عبادي قد أتو من كل فج عميق شعثا غبرا يرجون رحمتي. أشهدكم يا ملاكتي إني وهبت مسيئهم لمحسنهم وشفعت بعضهم في بعض وغفرت لهم أجمعين. أفيضوا عبادي كلكم مغفور لكم ما مضى من ذنوبكم صغيرها وكبيرها قديمها وحديثها.

"Barangsiapa mengerjakan ibadat haji untuk seorang yang telah mati sedangkan dia tidak diwasiatkan untuk mengerjakannya maka akan dituliskan bagi si mati satu haji, dan dituliskan bagi yang mengerjakan hajinya itu tujuh puluh haji. Dan ketika petang hari di Arafah Allah Taala akan turun ke langit dunia lalu memandang kepada para hambaNya seraya berbangga dengan mereka ke atas para malaikat; Allah Azza Wajalla berfirman: "Wahai para malaikatKu! Tidakkah kamu melihat kepada para hambaku?! Mereka datang dari segenap pelosok yang jauh, kusut masai dan berdebu mereka mengharapkan rahmatKu. Saksikanlah wahai para malaikatKu sesungguhnya Aku telah menyerahkan yang berbuat dosa dikalangan mereka kepada yang berbuat kebaikan, dan telah Kujadikan antara mereka saling memberi syafaat antara satu sama lain, dan telah Aku ampunkan mereka semua. Bersurailah wahai para hambaKu! Semua kamu telah mendapat keampunan terhadap segala dosa-dosamu yang kecil dan besar, yang lama dan yang baharu".

حجة غير مقبولة خير من الدنيا وما فيها.

"Satu haji yang tidak makbul lebih baik dari dunia dan segala isinya".

يقال للذي لا تقبل منه يخرج من ذنوبه والذي يقبل الله منه فقد فاز فوزا عظيما.

"Dikatakan bagi mereka yang tidak diterima hajinya: Dia akan bersih dari dosanya. Dan dikatakan bagi yang diterima Allah akan hajinya: Sesungguhnya dia telah mendapat kemenangan yang agung".

Keutamaan Menziarahi Saiyidina Rasulullah ﷺ

Sesungguhnya telah diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

من زارني بعد وفاتي فكأنما زارني في حياتي ومن لم يدركني ولم يبايعني ثم جاء إلى المدينة وبعد وفاتي وسلم علي وزارني عند قبري وسلم على أبي بكر وعمر رضي الله عنهما فقد بايعني.

"Barangsiapa menziarahiku sesudah kewafatanku maka seolah-olah dia menziarahiku waktu hidupku. Siapa yang tidak sempat bertemu dan berbaiat denganku lalu dia mendatangi Madinah selepas kewafatanku dan mengucap salam kepadaku serta menziarahiku di kuburku, dan mengucap salam kepada Abu Bakar dan Omar radhiyallahu anhuma maka sesungguhnya dia telah membaiatku".

Umpama Membaiat Saiyidina Rasulullah ﷺ

Sabda Nabi ﷺ:

من أتى الركن الأسود فقبله فكأنما بايع الله تعالى ورسوله صلى الله عليه وسلم.

"Barangsiapa mendatangi rukun Hajarul Aswad lalu diciumnya maka seolah-olah dia membaiat Allah Taala dan RasulNya ﷺ".

إن الركن يمين الله في الأرض يصافح بها عباده كما يصافح أحدكم أخاه ومن لم يدرك بيعة رسول الله صلى الله عليه وسلم واستلم الحجر فقد بايع الله تعالى ورسوله صلى الله عليه وسلم.

"Sesungguhnya Rukun itu (umpama) tangan kanan Allah di bumi, dengannya Allah berjabat tangan kepada para hambaNya seperti mana kamu saling berjabat tangan dengan saudaramu. Barangsiapa tidak sempat berbaiat kepada Rasulullah ﷺ lalu dia melakukan istilam kepada Hajarul Aswad maka sesungguhnya dia telah berbaiat kepada Allah Taala dan RasulNya ﷺ".

إنه لم يبق شيء من الجنة غير الحجر الأسود ولولا ما مسه من أنجاس المشركين وأرجاسهم ما مسه ذو عاهة ليستشفي به إلا برئ.

"Sesungguhnya tiada apa lagi yang masih tinggal (di bumi) dari syurga melainkan Hajarul Aswad. Kalaulah bukan kerana terlalu banyak disentuh oleh kaum musyrikin yang najis lagi kotor itu nescaya bagi pesakit yang menyentuhnya untuk meminta kesembuhan nescaya sembuhlah dia".

Keutamaan Meninggal Dunia di Tanah Suci

Sabda Nabi ﷺ:

من مات في الحرم كمن مات في السماء الرابعة.

"Orang yang meninggal dunia di Tanah Haram ibarat meninggal dunia di langit keempat".

من مات في بيت المقدس فكأنما مات في سماء الدنيا

"Orang yang meninggal dunia di Baitul Maqdis ibarat meninggal dunia di langit dunia".

Fadhilat Menunaikan Haji

Sabda Nabi ﷺ:

من حج بيت الله تعالى ماشيا كتب الله له بكل قدم يرفعه ويضعه سبعين ألف حسنة من حسنات الحرم.

"Orang yang pergi menunaikan haji ke Baitullah Taala dengan berjalan kaki akan ditulis Allah bagi setiap derap kakinya tujuh puluh ribu kebaikan dari kebajikan al-haram".

قال ابن عباس رضي الله عنهما: حسنة الحرم بمائة ألف حسنة

Ibnu Abbas berkata: Satu kebaikan al-haram bernilai seratus ribu kebajikan.

Sabda Nabi ﷺ:

إن للحاج الراكب بكل خطوة يخطوها ببعيره سبعين حسنة وللحاج الماشي بكل خطوة يخطوها سبعمائة حسنة من حسنات الحرم. قيل يا رسول الله وما حسنات الحرم قال: كل حسنة بمائة ألف حسنة.

"Sesungguhnya orang yang naik haji dengan menunggang binatang kenaikan akan mendapat tujuh puluh kebajikan bagi setiap langkah kenaikannya. Adapun bagi yang naik haji dengan berjalan kaki akan mendapat tujuh ratus kebajikan al-haram untuk setiap langkah kakinya". Lalu ditanyakan kepada Baginda apakah kebajikan al-haram itu ya Rasulullah?, jawab Baginda: "Setiap satu kebajikan bernilai tujuh ratus ribu kebajikan".

Perantau Yang Meninggal di Makkah dan Madinah

Diriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ telah bersabda:

يحشر الله تعالى من مقبرة مكة سبعين ألف شهيد يدخلون الجنة بغير حساب وجوههم كالقمر ليلة البدر يشفع كل واحد منهم في سبعين ألف رجل. فقيل: من هم يا رسول الله؟ قال: الغرباء.

"Allah akan membangkitkan dari perkuburan Makkah tujuh puluh ribu syahid yang masuk syurga tanpa hisab, wajah mereka ibarat purnama mengambang di malam hari, setiap seorang dari mereka memberi syafaat kepada tujuh puluh ribu orang lain", lalu ditanyakan: Siapakah mereka itu ya Rasulullah?, jawab Baginda: "Merekalah kaum perantau".

من مات في حرم الله تعالى أو حرم رسول الله صلى الله عليه وسلم أو مات بين مكة والمدينة حاجا أو معتمرا بعثه الله يوم القيامة من الآمنين ألا وإن التضلع من ماء زمزم براءة من النفاق.

"Barangsiapa yang meninggal dunia di Tanah Suci Allah Taala atau di Tanah Suci Rasulullah ﷺ, atau meninggal dalam perjalanan antara Makkah dan Madinah dalam keadaan menunaikan haji atau umrah akan dibangkitkan Allah di hari kiamat dikalangan golongan yang aman. Ketahuilah bahawa banyak meminum air Zamzam itu melepaskan diri dari sifat munafik".

من صلى في الحجر ركعتين ناحية الركن الشامي فكأنه أحيا سبعين ألف ليلة وكان له عبادة كل مؤمن ومؤمنة وكأنما حج أربعين حجة مبرورة متقبلة.

“Barangsiapa solat dua rakaat di Hijir pada sudut Rukun Syami maka seolah-olah dia menghidupkan tujuh puluh ribu malam dengan ibadat, dan baginya pahala ibadat setiap mukmin dan mukminah, dan seolah-olah dia menunaikan empat puluh haji mabrur lagi diterima”.

من صلى مقابل باب الكعبة أربع ركعات فكأنما عبد الله تعالى كعبادة جميع خلقه وصلى عليه سبعون ألف ملك.

“Barangsiapa solat empat rakaat berhadapan dengan pintu Kaabah maka seolah-olah dia beribadah kepada Allah dengan ibadah seluruh makhlukNya, dan berdoalah untuknya tujuh puluh ribu malaikat”.

ومن صلى خلف المقام ركعتين غفر له ما تقدم من ذنوبه وأعطى من الحسنات بعدد كل من صلى خلفه أضعافا مضاعفة وآمنه الله يوم القيامة من الفزع الأكبر وأمر الله عز وجل جبريل وميكائيل وجميع الملائكة عليهم السلام أن يستغفروا له إلى يوم القيامة.

“Barangsiapa solat dua rakaat di belakang Maqam akan diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu, dia akan dikurniakan pahala kebajikan sebanyak bilangan mereka yang telah solat di situ dengan berganda-ganda. Allah akan mengamankannya di hari kiamat dari kejutan tergempar, Allah Azza Wajalla akan memerintahkan Jibril, Mikail dan seluruh malaikat alaihimus salam untuk memohon keampunan baginya hingga ke hari kiamat”.

Maka wahai saudaraku, rebutlah segala kebaikan ini dan janganlah hendaknya ia terlepas darimu. Wassalamu alaikum warahmatullahi wa barakatuh.

Tamatlah sudah risalah ini dengan kepujian pada Allah dan pertolongan taufikNya jua, kerja penyalinannya selesai pada malam Isnin tanggal 19 dari bulan Syawal yang berkat pada tahun 1054H. Segala puji hanya bagi Allah semata dan selawat keatas Nabi yang tiada lagi nabi selepas Baginda.